

# PELAN ANTIRASUAH

JABATAN MUZIUM MALAYSIA (JMM)  
2023-2027





**PELAN  
ANTIRASUAH  
JABATAN MUZIUM MALAYSIA (JMM)  
2023 – 2027**



📍 **Jabatan Muzium Malaysia**

Jalan Damansara  
50566 Kuala Lumpur

📞 +603-22671000

🌐 [www.jmm.gov.my](http://www.jmm.gov.my)

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit, Jabatan Muzium Malaysia, Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur, Malaysia.

- ... 04 ● TINTA KETUA PENGARAH
  - ... 05 ● PENYATAAN KOMITMEN PENGURUSAN TERTINGGI JABATAN MUZIUM MALAYSIA
  - ... 06 ● RINGKASAN EKSEKUTIF
- 

... 10 ➤ **BAB1  
PENGENALAN**

- Sejarah Penubuhan Jabatan Muzium Malaysia (JMM)
  - Visi, Misi, Objektif dan Fungsi Jabatan Muzium Malaysia Dasar Integriti dan Tadbir Urus Negara
  - Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Muzium Malaysia (JMM) 2023 - 2027
- 

... 18 ➤ **BAB 2  
ISU DAN CABARAN**

- Analisis Senario Semasa
    - Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2022
    - Bilangan Penjawat Awam Terlibat Dalam Kes Rasuah dari 2019 - 2022
  - Penilaian Risiko Rasuah Jabatan Muzium Malaysia (JMM)
  - Analisis Data
    - Statistik Bilangan Pertanyaan dan Aduan bagi Tahun 2018 - 2022
    - Statistik Tatatertib bagi Tahun 2018 – 2022
    - Peratusan Bilangan Pegawai Dalam Keterhutangan Kewangan yang Serius
  - Punca Utama Rasuah, Penyelewengan dan Salah Guna Kuasa
- 

... 30 ➤ **BAB 3  
MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH JMM**

- Kerangka Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Muzium Malaysia
  - Analisis Kuadran Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Muzium Malaysia
  - Strategi, Risiko, Inisiatif dan Kuadran Mengikut Bidang Keutamaan
- 

... 44 ➤ **BAB 4  
TADBIR URUS OACP JMM**

- Mekanisme Pelaksanaan
  - Mekanisme Penyelaras, Pemantauan dan Penilaian
  - Semakan Semula dan Pembaharuan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP)
- 

... 50 ➤ **BAB 5  
PENUTUP**

- Kesimpulan
- Penghargaan



**DATUK KAMARUL BAHARIN**

**BIN A. KASIM**

Ketua Pengarah  
Jabatan Muzium Malaysia

## TINTA KETUA PENGARAH

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan kurnia-Nya, Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Muzium Malaysia (JMM) 2023 - 2027 berjaya direalisasikan. Penerbitan Pelan Anti Rasuah Organisasi ini membuktikan bahawa Jabatan Muzium Malaysia sentiasa komited dalam usaha memantapkan dan membudayakan nilai-nilai integriti, meningkatkan governans serta memastikan ketelusan tadbir urus.

Bersandarkan Pelan Antirasuah Nasional (National Anti-Corruption Plan - NACP) 2019 - 2023, serta mengambil kira visi dan hala tuju Jabatan menerusi kerangka Pelan Strategik Jabatan Muzium Malaysia 2023 - 2027, Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Muzium Malaysia telah mengenal pasti tiga bidang keutamaan yang terdedah kepada risiko rasuah, tadbir urus dan integriti. Melalui analisis pengecaman isu dan cabaran, beberapa strategi dan inisiatif telah disusun bagi membolehkan pelan ini mempunyai hala tuju yang jelas untuk dicapai. Tiga bidang keutamaan ini, iaitu Tadbir Urus, Pengurusan Muzium serta Pengurusan Kewangan dan Perolehan menggambarkan pengoperasian Jabatan Muzium Malaysia yang menyeluruh, dan seterusnya dilihat mampu memberi ruang kepada transformasi dan inovasi ke arah penambahbaikan polisi dan prosedur organisasi, seterusnya meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Jabatan.

Pematuhan kepada Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) ini diharap dapat meletakkan Jabatan Muzium Malaysia sebagai sebuah organisasi yang mempunyai kredibiliti dan integriti yang tinggi bukan sahaja kepada pemegang taruh, namun yang lebih penting kepada pelanggan dan khalayak awam. Kejayaan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Muzium Malaysia ini, walau bagaimanapun hanya boleh dicapai dengan komitmen yang tinggi, pemahaman, pematuhan dan kerjasama daripada segenap peringkat perjawatan.

Saya mengambil kesempatan ini juga untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam penyediaan pelan ini. Besar harapan saya agar Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Muzium Malaysia ini turut berperanan dan menyumbang dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bebas rasuah, berdaya saing, progresif dan makmur.

Sekian, terima kasih.



## PENYATAAN KOMITMEN PENGURUSAN TERTINGGI JABATAN MUZIUM MALAYSIA

Pelan Antirasuah Jabatan Muzium Malaysia (OACP) 2023 – 2027 dibangunkan selaras dengan objektif strategik Pelan Antirasuah Nasional (NACP) di bawah inisiatif 2.1.5 yang mewajibkan sektor awam untuk membangunkan pelan antirasuah organisasi masing-masing. Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Muzium Malaysia menzahirkan komitmen pihak Pengurusan Tertinggi JMM untuk memastikan organisasi ini ditadbir dengan telus berpandukan kepada prinsip integriti, tadbir urus yang baik dan memerangi segala bentuk gejala rasuah.

Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan Pelan Antirasuah Jabatan Muzium Malaysia 2023 - 2027 ini, pihak Pengurusan Tertinggi Jabatan Muzium Malaysia komited dan bertekad untuk memastikan bahawa matlamat yang digariskan, serta segala inisiatif yang dirangka dapat dilaksanakan mengikut jangka masa yang dijadualkan melalui mekanisme pelaksanaan, pemantauan dan penilaian yang ditetapkan. Usaha memerangi rasuah harus sentiasa dijadikan agenda utama di peringkat organisasi dengan melaksanakan pelbagai program kesedaran, pemerkasaan kawalan dalaman serta mengenakan tindakan yang tegas terhadap mana-mana warga kerja yang melakukan kesalahan tatatertib mahupun jenayah.

Pihak Pengurusan Tertinggi berharap semua warga kerja Jabatan Muzium Malaysia akan turut menjiwai dan menghayati matlamat utama penggubalan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) agar pelan ini dapat memberikan impak yang positif kepada Jabatan Muzium Malaysia dalam jangka panjang. Adalah diharapkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Muzium Malaysia 2023 - 2027 akan dijadikan panduan oleh warga kerja Jabatan dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan kepada mereka, seterusnya memartabatkan budaya kerja berintegriti dan tadbir urus yang baik bagi memastikan perkhidmatan sektor awam yang telus serta bebas rasuah.



## RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Muzium Malaysia 2023 - 2027 merupakan dasar peringkat jabatan yang telah dibangunkan selari dengan kehendak kerajaan yang dinyatakan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP). Pelan ini telah dibangunkan hasil daripada komitmen penuh Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Muzium Malaysia melalui bimbingan dan nasihat daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Muzium Malaysia 2023 - 2027 menggariskan tiga bidang keutamaan yang telah dikenal pasti bagi menangani permasalahan dan kelemahan pelbagai isu berkaitan integriti, tadbir urus dan rasuah di peringkat jabatan. Tiga bidang keutamaan berisiko yang telah dikenal pasti ialah Tadbir Urus, Pengurusan Muzium serta Pengurusan Kewangan dan Perolehan.

Pihak Jawatankuasa juga telah merangka tiga bidang keutamaan, tiga strategi, 10 objektif strategi dan 58 inisiatif/pelan tindakan untuk menangani, mencegah dan menambah baik pelbagai isu berkaitan integriti, tadbir urus dan salah laku rasuah di Jabatan Muzium Malaysia. Secara keseluruhannya, dokumen Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Muzium Malaysia ini merangkumi perkara-perkara yang berikut, iaitu:

### PENGENALAN



Bab ini merangkumi latar belakang organisasi, termasuklah profil korporat, visi, misi, objektif dan fungsi Jabatan Muzium Malaysia. Selain itu, bab ini turut membincangkan Dasar Integriti dan Tadbir Urus Negara serta Penyataan Komitmen Pengurusan Tertinggi Jabatan Muzium Malaysia yang seterusnya menjadi punca kuasa utama yang memandu ke arah pelaksanaan Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Muzium Malaysia 2023 - 2027.

### ISU DAN CABARAN



Bab ini merangkumi senario semasa, di samping analisis data (dalaman dan luaran) bagi membangunkan pelan tindakan atau inisiatif yang bersesuaian. Bab ini turut melihat penilaian risiko rasuah Jabatan Muzium Malaysia serta punca utama rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa yang berkemungkinan berlaku di jabatan ini.



## **MEMPERKASA ISU PENCEGAHAN RASUAH**

Bab ini merangkumi bidang-bidang keutamaan berisiko yang meliputi kerangka utama Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Muzium Malaysia 2023 - 2027. Selain itu, bab ini turut membincangkan Analisis Kuadran OACP JMM serta strategi, risiko, inisiatif dan kuadran mengikut tiga bidang keutamaan.

---



## **TADBIR URUS PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) JABATAN MUZIUM MALAYSIA**

Pelan ini perlu dipantau daripada aspek mekanisme pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan, penilaian dan semakan semula serta pembaharuan OACP JMM.

---



## **PENUTUP**

Bab ini merupakan kesimpulan dan rumusan keseluruhan pelaksanaan pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Muzium Malaysia.



# BAB 1

## PENGENALAN



▪ Duit Emas Zaman Pemerintahan Sultan Zainal Abidin II (1793-1808) Terengganu

“

Dunia ini ibarat bayangan. Kalau kau berusaha menangkapnya, ia akan lari. Tapi kalau kau membelakanginya, ia tak punya pilihan selain mengikutimu.

”

(Ibnu Qayyim Al Jauziyyah)



## PENGENALAN

### SEJARAH PENUBUHAN JABATAN MUZIUM MALAYSIA (JMM)

Jabatan Muzium Malaysia (JMM) ialah salah sebuah agensi yang tertua di bawah perkhidmatan awam Malaysia. Jabatan ini ditubuhkan untuk dipertanggungjawabkan dalam memelihara bahan sejarah dan warisan negara sejak era kemerdekaan hingga kini. Walaupun Jabatan Muzium Malaysia mengalami perubahan transisi dan perkhidmatan, namun ia tidak mengubah peranan dan fungsi institusi muzium itu sendiri. Sehingga kini, sebanyak 22 buah muzium di seluruh Malaysia telah beroperasi dan telah menuju ke era pendigitalan, bersesuaian dengan perubahan global.



## LATAR BELAKANG

### JABATAN MUZIUM MALAYSIA



Rajah 1.1: Sejarah Penubuhan Jabatan Muzium Malaysia



## VISI, MISI, OBJEKTIF DAN FUNGSI

### JABATAN MUZIUM MALAYSIA



VISI

- Peneraju Profesionalisme Permuziuman Negara Bertaraf Global.



MISI

- Memperkasa Institusi Permuziuman secara mampan melalui pemantapan fungsi dan kualiti perkhidmatan permuziuman secara profesional, kreatif, inovatif dan sinergi.



OBJEKTIF

- Menjalankan kerja-kerja pengumpulan, pemuliharaan dan pengekalan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara.
- Menyebarluaskan ilmu pengetahuan melalui aktiviti pameran, program-program pendidikan dan pengembangan muzium.



FUNGSI


- Menyelidik, mengumpul, memelihara warisan sejarah, kebudayaan dan alam semula jadi negara.
- Mengurus muzium-muzium di bawah pentadbiran persekutuan dan memberi khidmat kepakaran dan nasihat kepada muzium-muzium negeri, jabatan kerajaan dan swasta.
- Mendokumentasikan koleksi jabatan dan menerbitkan hasil penyelidikan.
- Memberikan khidmat pengembangan ilmu pengetahuan melalui pameran, ceramah, bengkel, seminar, forum dan persidangan dan lawatan berpandu ke balai-balai pameran.

Rajah 1.2: Misi, Visi, Objektif dan Fungsi Jabatan Muzium Malaysia



## DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS NEGARA

Dalam landasan menuju ke arah status negara maju dan berpendapatan tinggi, agenda pemberantasan rasuah telah menjadi keutamaan negara. Untuk itu, beberapa inisiatif utama di peringkat nasional telah dibangunkan, bermula dengan Pelan Integriti Nasional (PIN) yang dilancarkan pada bulan April 2004 sehingga pelancaran Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 - 2023 pada 29 Januari 2019. Pelancaran kedua-dua inisiatif ini adalah sebagai dokumen utama kerajaan Malaysia yang menggariskan tindakan atau inisiatif menyeluruh dan bersepakat dalam menangani permasalahan rasuah, integriti dan tadbir urus di negara ini.



Rajah 1.3: Kronologi Inisiatif Utama Pembanterasan Rasuah di Peringkat Nasional



## PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) JABATAN MUZIUM MALAYSIA (JMM) 2023 - 2027


Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 - 2023 menggariskan tentang kewajipan pembangunan pelan antirasuah organisasi (OACP) di peringkat jabatan dan kementerian sebagai satu inisiatif mandatori yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi. Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2, No. 1 Tahun 2019 berkaitan Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) seterusnya dikeluarkan untuk memberikan panduan serta memastikan semua kementerian, jabatan dan agensi awam melaksanakan NACP dan mewujudkan pelan antirasuah organisasi masing-masing.

Sehubungan itu, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah memulakan perancangan pelaksanaan pelan antirasuah organisasi pada tahun 2018 dengan pembangunan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (Corruption Risk Management - CRM) untuk membolehkan jabatan ini membuat penilaian risiko rasuah dengan mengenal pasti kelemahan dalam sesuatu sistem yang boleh membuka ruang dan peluang untuk berlakunya gejala rasuah. Ruang lingkup pelaksanaan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Muzium Malaysia akan merangkumi semua aspek berkaitan antirasuah, integriti dan tadbir urus yang melibatkan semua bidang dan aktiviti yang dilaksanakan oleh semua Muzium/Bahagian/Unit di Jabatan Muzium Malaysia. Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Muzium Malaysia akan dilaksanakan dalam tempoh masa lima tahun, iaitu dari tahun 2023 - 2027 dengan matlamat utamanya adalah bagi memastikan tadbir urus Jabatan Muzium Malaysia bebas daripada amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa, yang secara tidak langsung berupaya membantu kerajaan untuk memperkuatkukan kedudukan dalam Indeks Persepsi Rasuah (Corruption Perception Index - CPI).

## **PEMBANGUNAN OACP JMM 2023 - 2027**



**Rajah 1.4:** Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Muzium Malaysia



## BAB 2

### ISU DAN CABARAN



▪ Pending Melayu

“

Selain kestabilan politik dan tadbir urus yang baik, langkah lain yang harus diambil ialah dengan usaha mempercepatkan proses kelulusan dengan menjamin bahawa Malaysia ini bukan tempat pemimpin-pemimpin menggondol kekayaan, bukan mencari helah menerima komisen.

”

Datuk Seri Anwar Ibrahim  
- Perdana Menteri Malaysia -



## PENGENALAN

Berdasarkan senario semasa, didapati kelemahan personaliti dan kelemahan tadbir urus menjadi faktor terpenting dalam menanganis isu dan cabaran semasa. Hal ini disebabkan personaliti individu tersebut yang gagal mengawal tingkah laku serta perlakuan ke arah yang lebih baik serta berintegriti. Keadaan ini ditambah dengan sistem kerja dan persekitaran yang tidak inklusif, dan menjadi penyumbang kepada masalah tersebut. Yang berikut ialah isu dan cabaran yang dihadapi oleh pihak Jabatan Muzium Malaysia dalam menangani isu-isu berkaitan rasuah:




## ANALISIS SENARIO SEMASA

### INDEKS PERSEPSI RASUAH (CPI) 2022

Indeks Persepsi Rasuah (CPI) negara masih belum berada pada tahap yang boleh dibanggakan. Malaysia cuma naik satu anak tangga, iaitu pada kedudukan ke-61 daripada 180 buah negara yang dinilai, tetapi skornya turun satu mata kepada 47 mata pada tahun sebelumnya. Menurut Presiden TI-Malaysia (TI-M), Muhammad Mohan berkata, pada tahun 2019 Malaysia berada di tangga ke-53, skor negara jatuh enam mata dalam tempoh tiga tahun lepas. Faktor kestabilan sosioekonomi dan politik memainkan peranan utama dalam mempengaruhi indeks yang akan digunakan dalam menentukan kedudukan ranking sesebuah negara. Bagi melonjakkan skor negara kepada lebih baik, pendekatan secara menyeluruh perlu dilakukan terutamanya dalam kes rasuah dan salah guna kuasa walaupun membabitkan individu yang berprofil tinggi.

Dari segi kedudukan dalam kalangan negara ASEAN, Malaysia berada di tempat kedua terbaik selepas Singapura yang berada di tangga kelima daripada 180 buah negara. Antara faktor yang menyumbang kepada keputusan positif skor CPI 2022 Malaysia ialah berikutkan kebebasan institusi

kehakiman, Memorandum Persefahaman (MoU) antara kerajaan pimpinan Perdana Menteri YAB Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob dengan blok pembangkang, Pakatan Harapan (PH), pindaan umur kelayakan mengundi kepada 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik, Akta Perlembagaan (Pindaan) (No.3) 2022 (Akta A1663) yang melarang Ahli Dewan Rakyat bertukar parti (undang-undang antilopmat parti), Perjanjian Malaysia 1963 (MA63), cadangan untuk mengehadkan tempoh perkhidmatan jawatan Perdana Menteri kepada 10 tahun, dan reformasi Parlimen.



Rajah 2.1: Kedudukan Negara dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Seluruh Dunia

## ASEAN COUNTRIES

Country	Country Scores		Medium	
	2022	2021	2022	2021
Singapore	83	85	5	4 ↓
Brunei	-	-	-	-
<b>Malaysia</b>	<b>47</b>	<b>48</b>	<b>61</b>	<b>62</b> ↓
Vietnam	42	39	77	87 ↑
Thailand	36	35	101	110 ↑
Indonesia	34	38	110	96 ↓
Philippines	33	33	116	117 —
Laos	24	23	150	157 ↑
Cambodia	24	23	150	157 ↑
Myanmar	23	28	157	150 ↓

*Sumber: The Malaysian Reserve*

**Rajah 2.2:** Kedudukan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) dalam Kalangan Negara ASEAN

## MALAYSIA'S SCORE

YEAR	SCORE <sup>1</sup>
2019	53
2022	51 ↓
2021	48 ↓
2022	47 ↓

Note: 1.100 (very clean) to 0 (highly corrupt)

*Sumber: The Malaysian Reserve*

**Rajah 2.3:** Kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Tahun 2019 - 2022

## BILANGAN PENJAWAT AWAM TERLIBAT DALAM KES RASUAH DARI 2019 - 2022

Berdasarkan rekod yang dikeluarkan oleh SPRM, menunjukkan trend meningkat pada tahun 2020 dan 2021, iaitu sebanyak 49 kes kepada 72 kes. Walau bagaimanapun, kes tangkapan yang dilaporkan kembali menurun pada tahun 2022, iaitu 21 kes sahaja.



Sumber: SPRM

Rajah 2.4: Bilangan Penjawat Awam Terlibat Rasuah




## PENILAIAN RISIKO RASUAH JABATAN MUZIUM MALAYSIA (JMM)

Penilaian risiko rasuah bagi Jabatan Muzium Malaysia dianalisis berdasarkan kepada sembilan sumber yang melibatkan data governans, integriti dan rasuah bagi tempoh lima tahun ke belakang, iaitu dari tahun 2018 hingga 2022.

Analisis data Pelan Pembangunan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah menggunakan pelbagai sumber data bagi mengenal pasti penilaian risiko dan menentukan bidang yang perlu diberikan tumpuan kepada isu integriti dan rasuah. Data-data yang diperoleh dan dikaji oleh Ahli Jawatankuasa OACP, Jabatan Muzium Malaysia adalah seperti yang berikut:

- i. Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Transparency International 2018 - 2022.
- ii. Data statistik pertanyaan dan aduan Jabatan Muzium Malaysia dari tahun 2018 - 2022.
- iii. Maklumat yang diperoleh daripada Laporan Ketua Audit Negara/Laporan Unit Audit Dalam dari tahun 2018 - 2022.
- iv. Maklumat dan statistik kes aduan/tatatertib daripada Unit Integriti Jabatan Muzium Malaysia.
- v. Maklumat daripada pelaksanaan Pengurusan Risiko Rasuah (Corruption Risk Management - CRM).
- vi. Maklumat yang diperoleh daripada Mesyuarat Pengurusan Tertinggi, Jabatan Muzium Malaysia.
- vii. Analisis daripada maklum balas kajian soal selidik warga Jabatan Muzium Malaysia.




## ANALISIS DATA

Hasil dapatan kajian dan analisis tersebut telah mengenal pasti beberapa risiko yang berpotensi menyumbang ke arah berlakunya salah laku, rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Berikut ialah perincian statistik aduan dan pertanyaan, kes-kes tatatertib dan keterhutangan kewangan yang serius sebagai pengukuran dan pertimbangan kepada pihak jabatan dalam menggariskan pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Muzium Malaysia:

## STATISTIK BILANGAN PERTANYAAN DAN ADUAN BAGI TAHUN 2018 - 2022

Statistik bilangan pertanyaan dan aduan yang telah diterima sepanjang tempoh lima tahun, iaitu dari tahun 2018 – 2022 adalah seperti yang berikut:




Rajah 2.5: Statistik Pertanyaan dan Aduan yang Diterima oleh Jabatan Muzium Malaysia

Carta di atas menunjukkan bilangan pertanyaan dan aduan yang diterima oleh pihak Jabatan Muzium Malaysia. Peratusan pertanyaan berjumlah 97.68%. Bentuk pertanyaan daripada orang awam adalah berkisar tentang aktiviti dan program yang diadakan di Jabatan Muzium Malaysia. Hanya 2.32% aduan yang diterima dan lebih menjurus kepada hal-hal yang berkaitan prasarana. Dapatan peratusan ini membuktikan bahawa pegawai dan staf Jabatan Muzium Malaysia mematuhi etika kerja berdasarkan peraturan-peraturan pegawai awam yang sedang berkuat kuasa.


## STATISTIK TATATERTIB BAGI TAHUN 2018 - 2022

Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah dikategorikan sebagai jabatan berisiko sederhana melalui surat pemakluman status penarafan semula risiko daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bertarikh 24 Februari 2021. Namun begitu, masih berlaku pelanggaran tatatertib dalam kalangan pegawai dan staf Jabatan Muzium Malaysia. Bagi membendung isu tatatertib ini daripada terus berleluasa, kawalan tatatertib menjadi sangat penting dan perlu dipertingkatkan bagi menjamin perkhidmatan yang telus, adil, cekap dan berintegriti.

**GRAF STATISTIK TATATERTIB JABATAN MUZIUM MALAYSIA  
BERDASARKAN JENIS KESALAHAN TAHUN 2018 - 2022**



**Rajah 2.6:** Statistik Kes Tatatertib di Jabatan Muzium Malaysia




**Rajah 2.7:** Pecahan Kes Tatatertib Mengikut Kumpulan Perkhidmatan

Carta di atas menunjukkan keseluruhan 15 kes tatatertib di Jabatan Muzium Malaysia bagi tahun 2018 hingga 2022. Berdasarkan kepada carta di atas, kes tidak hadir bertugas menunjukkan kekerapan kes berlaku, iaitu bagi tahun 2018 dan 2019. Kes penyelewengan wang hasil kutipan jualan tiket adalah tertinggi berbanding dengan kes-kes lain pada tahun 2018 - 2022. Berdasarkan taburan peratusan kes, didapati staf dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional juga terlibat dengan kes tidak hadir bertugas. Hal ini tidak sewajarnya berlaku kerana mereka merupakan kumpulan staf yang menjadi teladan kepada skim perkhidmatan yang lain. Risiko berlaku penyelewengan wang awam agak tinggi jika tidak dibanteras dari awal. Oleh itu, pihak Pengurusan Tertinggi Jabatan Muzium Malaysia perlu bertindak segera bagi membendung perkara ini daripada terus meningkat melalui pelan tindakan dan inisiatif yang dirangka dalam Pelan Antirasuah Organisasi (OACP).

## PERATUSAN BILANGAN PEGAWAI DALAM KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS

Bilangan pegawai yang mempunyai keterhutangan serius (merujuk pegawai yang mempunyai potongan gaji melebihi 60%) berdasarkan laporan ZRPY069 yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia adalah seperti yang berikut:




**Rajah 2.8:** Peratusan Bilangan Pegawai dalam Keterhutangam

Carta di atas menunjukkan peratusan bilangan pegawai di Jabatan Muzium Malaysia yang telah dikategorikan dalam keterhutangam yang serius. Melalui pemerhatian, didapati bahawa kebanyakan pegawai yang terlibat adalah dari Kumpulan Pelaksana I dan II. Pihak jabatan telah menyediakan beberapa pelan tindakan dan inisiatif bagi membendung perkara ini. Antaranya, memberikan taklimat pengurusan kewangan dan memberikan tempoh kepada pegawai untuk memperbaik prestasi kewangan masing-masing dalam masa tiga tahun, serta beberapa pelan tindakan yang lain untuk membantu kakitangan yang terbabit.



## PUNCA UTAMA RASUAH, PENYELEWENGAN DAN SALAH GUNA KUASA



Sumber: Laporan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 - 2023

## BAB 3

# MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH JABATAN MUZIUM MALAYSIA



▪ Loceng Gangsa Dong Son

“

Tanamkan dalam minda masyarakat semenjak di bangku sekolah lagi bahawa rasuah adalah jijik, kotor dan wajar diperangi habis-habisan.

”

- DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah



Berdasarkan kepada analisis dan rujukan daripada pelbagai sumber, pihak Pengurusan Tertinggi Jabatan Muzium Malaysia telah merumuskan tiga bidang keutamaan utama, iaitu:

- i. Tadbir Urus
- ii. Pengurusan Muzium
- iii. Pengurusan Kewangan dan Perolehan


Ketiga-tiga bidang keutamaan ini dapat dilihat pada kerangka Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Muzium Malaysia yang berikut.

## KERANGKA PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) JABATAN MUZIUM MALAYSIA

ASPIRASI NASIONAL		MALAYSIA DIKENALI KERANA INTEGRITI DAN BUKANNYA RASUAH		
VISI		Mewujudkan persekitaran kerja bebas rasuah dan memantapkan integriti kerja di tahap tertinggi		
MISI		Meningkatkan kompetensi, ketelusan dan akauntabiliti berasaskan prinsip tadbir urus baik, pembudayaan integriti secara tuntas serta pematuhan kepada undang-undang dan peraturan		
MATLAMAT		1. Meningkatkan kecekapan, akauntabiliti dan integriti dalam sistem penyampaian perkhidmatan. 2. Mengukuhkan imej dan reputasi Jabatan bagi memantapkan keyakinan pelanggan serta pemegang taruh. 3. Memperkasa profesionalisme dan ketelusan wang awam.		
BIDANG KEUTAMAAN	TADBIR URUS		PENGURUSAN MUZIUM	KEWANGAN DAN PEROLEHAN
STRATEGI	Memperkuatkan kecekapan dan ketelusan penyampaian perkhidmatan melalui tadbir urus yang baik serta pembudayaan persekitaran kerja berintegriti.		Mempertingkatkan keberkesanan, kecekapan dan ketelusan kalam tugas-tugas permuziuman bagi memenuhi kehendak serta kepuasan pelanggan.	Memperkasakan pematuhan kepada peraturan-peraturan kewangan dan perolehan dalam semua urusan.
OBJEKTIF STRATEGI	1.1 Mengukuhkan integriti serta akauntabiliti pegawai dan kakitangan;  1.2 Membangunkan pengurusan sumber manusia yang profesional dan berketerampilan dalam menggerakkan aktiviti permuziuman;  1.3 Memperkuat kawalan keselamatan perlindungan jabatan.		2.1 Memperkuat mekanisme pemantauan dan akauntabiliti dalam pengurusan Sistem Tiket;  2.2 Meningkatkan kecekapan dan ketelusan dalam Pengurusan Koleksi, Penerbitan dan Pengurusan Program.  2.3 Memperkasakan Sistem Pengurusan Pameran dan Pengembangan Pendidikan yang profesional dan berimpak tinggi;  2.4 Membangunkan Sistem Aduan yang efektif dan responsif merangkumi Pengembangan Pendidikan (pameran, outreach, inreach dan penerbitan) dan Pengurusan Koleksi (Konservasi, Perolehan koleksi, Penerimaan, Pendaftaran, Penstoran, Sistem MUSECORE, Pinjaman, Pelupusan dan Hapus Kira Koleksi).	3.1 Meningkatkan pengetahuan serta kefahaman semua pegawai dan kakitangan dalam pengurusan kewangan dan perolehan mengikut tahap tanggungjawab;  3.2 Memantapkan kawalan dalaman dan memperkuatkan pentadbiran pengurusan kewangan dan perolehan.  3.3 Mempertingkatkan ketelusan perolehan awam bagi mengelak berlakunya ketirisan dalam proses perolehan.
INISIATIF	24		23	11



### ANALISIS KUADRAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) JABATAN MUZIUM MALAYSIA



Impak : Kesan atau hasil positif yang dicapai melalui pelaksanaan sesuatu inisiatif  
 Kompleksiti : Kesukaran dan kerumitan dalam pelaksanaan sesuatu inisiatif

Rajah 3.1: Analisis Kuadran

## STRATEGI, RISIKO, INISIATIF DAN KUADRAN MENGIKUT BIDANG KEUTAMAAN

BIDANG KEUTAMAAN:						
TADBIR URUS						
STRATEGI 1: MEMPERKUKUHKAN KECEKAPAN DAN KETELUSAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN MELALUI TADBIR URUS YANG BAIK SERTA PEMBUDAYAAN KERJA YANG BERINTEGRITI						
OBJEKTIF STRATEGI						
RISIKO/POTENSI RISIKO	NO. BIL INISIATIF	INISIATIF	PENERAJU UPSM	KUADRAN	TEMPOH MASA	
Produktiviti Kerja Terjejas	1.1.1	Memantapkan komitmen dan pengetahuan Pentadbir Cuti melalui latihan tahunan dan sesi libat urus	UPSM	A	5 tahun (2023 - 2027)	
	1.1.2	Melaksanakan pemeriksaan mengejut sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun ke Muzium/Bahagian Unit untuk memantau kehadiran.	a) UI b) UPSM	A	5 Tahun (2023 - 2027)	
	1.1.3	Menambah baik Garis Panduan Pengurusan Kehadiran Jabatan Muzium Malaysia untuk meningkatkan pemahaman dan pematuhan pegawai serta kakitangan.	a) UI b) UPSM	B	2 Tahun (2023 - 2024)	
Penyalahgunaan Kemudahan dan Aset Kerajaan	1.1.4	Memastikan Laporan Kehadiran Pegawai dan Kakitangan dikemukakan kepada Unit Integriti sebelum 10 hari bulan pada setiap bulan	a) UI b) UPSM	A	5 Tahun (2023 - 2027)	

<p><b>Kes Keterhutangan yang Serius dan Menjejasikan Kualiti Perkhidmatan</b></p> <p><b>Pengulangan Kesalahan dan Pelanggaran Tatacara</b></p>	1.1.5	Meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan dalam kawalan penggunaan kemudahan kenderaan Jabatan berdasarkan tatacara ditetapkan (kawalan kad inden, kad TnG, penyelenggaraan buku log, penyelenggaraan kenderaan).	a) UPen b) UI	B	2 Tahun (2023 - 2024)
	1.1.6	Pelaksanaan Kursus Pematuhan Kad Inden serta Pengurusan Kenderaan dan Pemanduan Berhemah dengan penambahbaikan modul mengenai integriti, governans dan antirasuah	a) UPen b) UPMI	B	3 Tahun (2023 - 2025)
	1.1.7	Melaksanakan langkah preventif melalui pemantauan, pengesanan dan semakan berjadual ke atas status kewangan kakitangan, perisytiharan harta serta mengemukakan surat tunjuk sebab.	a) UPSM b) UI c) Unit Kew	B	5 Tahun (2023 - 2027)
	1.1.8	Menganjurkan program berkala tahunan bersama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) bagi menangani peningkatan kes di kalangan kakitangan	a) UPSM b) UI c) UPMI	B	2 Tahun (2023 - 2024)
	1.1.9	Mewujudkan dan memperluaskan mekanisme naziran, pemeriksaan mengejut atau inspektorat secara bersepadau merangkumi aspek keselamatan, kehadiran di tempat kerja, pengurusan koleksi dan konservasi serta pengurusan aset dan stor, berdasarkan laporan pemeriksaan tahunan atau laporan audit bagi memastikan pemahaman dan pematuhan.	a) UI b) UKes c) UPSM d) UPPH e) BPKol	A	5 tahun (2023 - 2027)
	1.1.10	Tidak menerima surat sokongan daripada anggota pentadbiran atau individu berpengaruh berkaitan pembuatan keputusan, projek atau kepentingan perjawatan kakitangan.	a) UPSM b) UPPH c) UI	B	5 tahun (2023 - 2027)
	1.1.11	Mewujudkan saluran e-mel Aduan dan Pertanyaan Integriti JMM	UI	B	5 tahun (2023 - 2027)
	1.1.12	Membangunkan satu (1) Polisi Pengurusan Hadiah Jabatan Muzium Malaysia.	UI	B	2 tahun (2023 - 2024)

	1.1.13	Membangunkan satu (1) garis panduan dan menguatkuasakan arahan mengenai kaedah penggunaan media sosial seiring dengan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Tatatertib) 1993 [P.U (A) 395/1993].	a) BKK b) UI	B	2 tahun (2023 - 2024)
	1.1.14	Menganjurkan latihan kompetensi dalam aspek komunikasi, penampilan dan bahasa kepada semua petugas barisan hadapan <i>front desk/frontliners</i> untuk meningkatkan imej jabatan	a) BKK b) UPMI	A	5 tahun (2023 - 2027)
	1.1.15	Memperkemas kawal selia dan garis panduan penyediaan dokumen kontrak perjanjian dengan menyediakan draf kontrak perjanjian yang standard bagi semua jenis perolehan/perkhidmatan dan disemak dua (2) tahun sekali.	a) UPPH b) UKew	A	5 tahun (2023 - 2027)
	1.1.16	Memperkasa peranan Pegawai Aset, Pegawai Pemeriksa Aset, Pegawai Penerima dan ahli Lembaga Pemeriksa Pelupusan (LPP) melalui kursus pengurusan aset dan sesi taklimat berjadual secara dwitahunan.	UPPH	A	5 tahun (2023 - 2027)
Pegawai Terdedah kepada Isu Kepentingan Peribadi, Ketidakcekapan dan Penurunan Tahap Kompetensi	1.2.1	Mengukuhkan mekanisme yang efektif dalam menguatkuasakan skim pusingan kerja secara mandatori kepada pegawai dan kakitangan yang memegang jawatan sensitif selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2004: Panduan Pertukaran Pegawai Awam	a) UPSM b) UI	A	5 tahun (2023 - 2027)
	1.2.2	Menyebarluaskan dan memberikan penekanan terhadap elemen/aspek integriti dan tadbir urus serta mesej antirasuah kepada semua warga Jabatan Muzium Malaysia melalui pelaksanaan;  a) Program/aktiviti jabatan (kempen kesedaran, pameran, pendidikan, latihan/kursus/ceramah kerohanian); dan  b) Hebahan integriti secara berkala melalui pelbagai medium komunikasi dalaman, e-mel, media sosial, buletin dan lain-lain.	a) UI b) BKK c) UPMI d) UTM	A	5 tahun (2023 - 2027)

	1.2.3	Menganjurkan program latihan/kursus generik berkaitan governans, integriti dan antirasuah kepada semua warga Jabatan Muzium Malaysia dengan kerjasama pihak SPRM, Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Unit Integriti Kementerian	a) UI b) UPMI	A	5 tahun (2023 - 2027)
	1.2.4	Menyebarluaskan maklumat berkaitan saluran mendapatkan motivasi, psikologi serta bantuan kaunseling untuk menangani permasalahan peribadi pegawai dan kakitangan bagi melengkapkan tindakan intervensi yang dilaksanakan oleh jabatan serta peranan AKRAB	a) UI b) UPSM c) AKRAB d) UPMI	A	5 tahun (2023 - 2027)
	1.2.5	Mewujudkan anugerah penghargaan/ pengiktirafan kepada pegawai dan kakitangan yang menonjolkan sifat integriti, perlakuan serta sikap terpuji secara konsisten (contohnya, Anugerah Pekerja Integriti - API)	a) UPSM b) UI	B	2 tahun (2023 - 2024)
	1.2.6	Memasukkan isu governans, integriti dan antirasuah sebagai agenda dalam Mesyuarat Pengurusan Jabatan, Mesyuarat Sektor dan Mesyuarat Muzium/Bahagian	a) UI b) UPen c) Muzium -muzium	C	5 tahun (2023 - 2027)
	1.2.7	Mengambil tindakan punitif secara serta-merta kepada Ketua Jabatan/ Pegawai Penyelia yang cuai ( <i>ignorance</i> ) dalam pengurusan tatatertib kakitangan yang diselia selaras Perenggan 3(c) ii Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993	UI	B	5 tahun (2023 - 2027)
Ancaman kepada Keselamatan Perlindungan Jabatan	1.3.1	Memperkuatkan tahap pematuhan keselamatan perlindungan dokumen terperingkat selaras dengan Surat Pekeling Am Bilangan 1 Tahun 2020: Pemakluman Pemakaian dan Penguatkuasaan Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) melalui;  a) Sesi libat urus atau taklimat kepada semua warga Jabatan Muzium Malaysia untuk meningkatkan kesedaran terhadap Arahan Keselamatan dan Kesedaran Akta Rahsia Rasmi 1972;	a) UI b) UKes c) UPen	A	5 tahun (2023 - 2027)

		b) Membangunkan satu (1) Garis Panduan/SOP Keselamatan Perlindungan Jabatan Muzium Malaysia untuk meningkatkan perlindungan keselamatan ke atas dokumen, pejabat, galeri, repositori, bilik fail dan ruang kerja sensitif;	UKes	B	2 Tahun (2023 - 2024)
		c) Menganjurkan kursus fungsional berkaitan Pengurusan Rekod/Dokumen Terperingkat bagi meningkatkan kesedaran dan tanggung jawab mengenai kepentingan menjaga atau melindungi maklumat terperingkat;	a) UKes b) UPen c) UPMI	A	2 Tahun (2023 - 2024)
		d) Mengenal pasti dan menetapkan kawasan / tempat larangan ( <i>access and exit</i> ) di Ibu Pejabat dan setiap muzium serta melengkapkan dengan sistem kawalan keselamatan yang bersesuaian.	a) UI b) UKes	B	2 Tahun (2023 - 2024)
		e) Menguatkuasakan kawalan akses kepada pihak berkepentingan ke dalam premis jabatan.	a) UI b) UKes	B	3 Tahun (2025 - 2027)
		f) Pembangunan pasukan <i>first aider</i> Jabatan bagi setiap muzium untuk memastikan pengurusan keselamatan mematuhi peraturan-peraturan di bawah Arahan Keselamatan, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta Keselamatan Siber.	UKes	B	3 Tahun (2025 - 2027)

**BIDANG KEUTAMAAN:****PENGURUSAN MUZIUM**

Pengurusan sesebuah muzium adalah berpandukan kepada dasar-dasar yang ditetapkan oleh Jabatan, nilai, piawaian dan amalan terbaik profesional permuziuman antarabangsa yang serasi dan selari dengan misi, objektif dan fungsi muzium. Pengurusan Muzium perlu menepati kehendak program dan aktiviti utama di muzium termasuklah Pentadbiran, Kewangan, Pengurusan Koleksi dan Konservasi, Pameran, Perhubungan Awam, Pemasaran dan Pendidikan. Pengurusan muzium yang baik mampu menjadi pemangkin kepada Jabatan dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pengunjung dan khalayaknya. Kewujudan peraturan, SOP dan garis panduan yang relevan dan sentiasa ditambah baik akan menjadikan pengurusan sesebuah muzium lebih telus dan berintegriti.

**STRATEGI 1:**

MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN, KECEKAPAN DAN KETELUSAN DALAM TUGAS-TUGAS PERMUZIUMAN BAGI MEMENUHI KEHENDAK SERTA KEPUASAN PELANGGAN

**OBJEKTIF STRATEGI**

- 2.1 Memperkuuh Mekanisme Pemantauan dan Akauntabiliti dalam Operasi Kaunter Tiket
- 2.2 Meningkatkan Kecekapan dan Ketelusan dalam Pengurusan Koleksi
- 2.3 Memperkasakan Sistem Pengurusan Pameran
- 2.4 Membangunkan Sistem Aduan yang Lancar dan Efektif

RISIKO/POTENSI RISIKO	NO. BIL INISIATIF	INISIATIF	PENERAJU UPSM	KUADRAN	TEMPOH MASA
Pengurangan hasil dan potensi berlakunya pecah amanah atas kepentingan peribadi	2.1.1	Mengkaji dan melaksanakan; a) sistem pembayaran tanpa tunai <i>cashless payment</i> dan langkah promosi; dan b) jualan tiket masuk secara dalam talian <i>online payment</i> dan langkah promosi	a) UKew b) UTM	B	3 Tahun (2023 - 2025)
	2.1.2	Melengkapkan semua kaunter tiket dengan sistem pemantauan keselamatan yang berkesan	a) UI b) UKes	A	5 tahun (2023 - 2027)
	2.1.3	Melaksanakan pusingan kerja dan tapisan keutuhan ke atas kakitangan yang dilantik dalam pengurusan sistem tiket.	a) UPSM b) Pgh/ Ketua Muzium c) UKew	A	5 tahun (2023 - 2027)
	2.1.4	Melaksanakan pemeriksaan mengejut ke atas kaunter tiket dan bilik simpanan tiket.	a) UKew b) UI c) UKes	A	5 tahun (2023 - 2027)

<p>Pelanggaran tatacara perolehan koleksi meliputi</p> <p>Kehilangan/kemusnahan koleksi</p>	2.2.1	Mengangkat tawaran perolehan koleksi kepada Jawatankuasa Perolehan Harta Kebudayaan mengikut prosedur perolehan yang dibenarkan.	a) BPKol b) UKew	A	5 tahun (2023 - 2027)
	2.2.2	Mewujudkan sistem fail untuk merekodkan segala tawaran koleksi yang diterima oleh penjual dan disahkan oleh Pengarah/Ketua Muzium.	a) BPKol b) Pgh/ Ketua Muzium	A	5 tahun (2023 - 2027)
	2.2.3	Mengenal pasti dan melaksanakan kajian berkala bagi setiap perolehan koleksi yang diperlukan di muzium terlibat mengikut kriteria perolehan koleksi yang ditetapkan.	a) BPKol b) UKew c) Pgh/ Ketua Muzium	A	5 tahun (2023 - 2027)
	2.2.4	Mengukuhkan penguatkuasaan <i>integrity pact</i> dalam perolehan koleksi. Sebagai contoh, surat-surat akuan harus ditandatangani.	a) BPKol b) UKew	A	5 tahun (2023 - 2027)
	2.2.5	Memastikan katalog perolehan koleksi hanya dapat diakses oleh urus setia dan penilai yang terlibat dalam proses perolehan.	a) BPKol b) UKew	C	5 tahun (2023 - 2027)
	2.2.6	Memastikan dokumen perolehan koleksi diselia dan disimpan mengikut kategori dokumen berperingkat di bawah Arahan Keselamatan.	a) BPKol b) UKes	C	5 tahun (2023 - 2027)
	2.2.7	Mewajibkan kehadiran berkursus kepada pegawai dan staf yang terlibat secara langsung dalam pengurusan perolehan koleksi sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun.	a) BPKol b) UPMI	A	5 tahun (2023 - 2027)
	2.2.8	Mengadakan taklimat berkenaan dengan tatacara perolehan koleksi kepada pegawai dan staf yang terlibat secara langsung dengan pengurusan perolehan koleksi sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun.	a) BPKol b) UKew	A	5 tahun (2023 - 2027)
	2.2.9	Membangunkan garis panduan dan tatacara pengurusan yang komprehensif untuk melancarkan proses kerja;	a) BPKol b) UKes c) Pgh/ Ketua MAS	B	2 Tahun (2023 - 2024)

	2.2.10	Memantapkan Pelan Pengurusan Risiko Koleksi sebagai panduan dalam pengendalian keselamatan muzium.	a) BPKol b) BPKon c) UKes d) UPMI	B	2 Tahun (2023 - 2024)
	2.2.11	Melaksanakan Kursus Kawalan Keselamatan Koleksi bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman staf muzium.	a) BPKol b) UKes	A	5 tahun (2023 - 2027)
	2.2.12	Melaksanakan Kempen Keselamatan Koleksi melalui hebahan secara berkala kepada semua warga Jabatan Muzium Malaysia melalui medium komunikasi dalaman.	a) BPKol b) UKes	A	5 tahun (2023 - 2027)
	2.2.13	Membuat lantikan Pegawai Koleksi bagi setiap muzium yang akan bertanggungjawab ke atas pengurusan koleksi khususnya aspek keselamatan.	a) BPKol b) BPKon c) MAS	B	2 Tahun (2023 - 2024)
Penghasilan pameran yang tidak memenuhi spesifikasi	2.3.1	Membangunkan bidang/arahan serta spesifikasi yang standard dan lebih lengkap dalam pengurusan perolehan pameran.	a) BPP b) UPPH c) UKew	B	2 Tahun (2023 - 2024)
	2.3.2	Mewujudkan satu kod bidang khusus untuk pameran muzium yang berbeza dengan pameran lain.	a) BPP b) UKew	B	2 Tahun (2023 - 2024)
	2.3.3	Menyediakan satu (1) buku teknikal berkaitan dengan pameran supaya pegawai mempunyai rujukan semasa menyediakan spesifikasi dan juga semasa produksi pameran dilaksanakan.	a) BPP b) BPKon c) BPKol d) UPPH	B	2 Tahun (2023 - 2024)
	2.3.4	Mempamerkan format spesifikasi pameran yang lebih lengkap.	UPPH	B	2 Tahun (2023 - 2024)
Kelewatan/tiada tindakan dalam memberikan maklum balas berdasarkan aduan yang diterima.	2.4.1	Memantapkan prosedur pemantauan aduan yang lebih sistematik dan inklusif melalui pembangunan Satu (1) sistem aduan bersepada berasaskan laman sesawang dan aplikasi mudah alih.	a) BKK b) UTM c) UI	B	2 Tahun (2023 - 2024)
	2.4.2	Mengenal pasti dan melaksana kajian berkala bagi setiap aduan yang diterima mengikut kriteria dan kategori aduan setiap empat (4) bulan atau tiga (3) kali setahun bergantung kepada bilangan aduan yang diterima.	a) BKK b) UTM c) UDPS	A	5 tahun (2023 - 2027)

**BIDANG KEUTAMAAN:****PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN**

Pengurusan kewangan dan perolehan ialah proses pembelian barang, perkhidmatan dan kerja oleh Kerajaan bagi tujuan memenuhi keperluan pelanggan, meningkatkan kecekapan bekerja dan mengoptimumkan pencapaian melalui penyediaan serta pengurusan peruntukan yang dikawal oleh peraturan sedia ada. Ia merupakan salah satu bidang dalam Kerajaan yang paling terdedah kepada ancaman rasuah kerana melibatkan peruntukan yang besar serta tatacara yang ketat.

**STRATEGI 1:****MENINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN TATACARA KEWANGAN DAN PEROLEHAN DI JABATAN****OBJEKTIF STRATEGI**

- 3.1 Mempertingkatkan ketelusan perolehan awam bagi mengelak berlakunya ketirisan dalam proses perolehan.
- 3.2 Memantapkan kawalan dalaman dan memperkuuhkan pentadbiran pengurusan kewangan dan perolehan
- 3.3 Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman semua pegawai dan kakitangan dalam pengurusan kewangan dan perolehan.

RISIKO/POTENSI RISIKO	NO. BIL INISIATIF	INISIATIF	PENERAJU UPSM	KUADRAN	TEMPOH MASA
Ketirisan Maklumat Sulit Perolehan	3.1.1	Melaksanakan sesi <i>knowledge sharing</i> terhadap project <i>lesson learnt</i> secara tahunan bagi apa-apa perolehan terpilih yang mematuhi/tidak mematuhi tatacara perolehan dan kewangan.	a) UPPH b) UKew	A	5 tahun (2023 - 2027)
	3.1.2	Menguatkuasakan Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2021: Larangan Penggunaan Telefon Bimbit, Peralatan Elektronik yang mampu merakam maklumat dalam mesyuarat berklasifikasi ( <i>classified meeting</i> ).	a) UI b) UKes	B	2 Tahun (2023 - 2024)
	3.1.3	Membangunkan Sistem Pemantauan Kontrak untuk memastikan hal-hal perundungan berkaitan pengurusan kontrak perkhidmatan dapat diminimumkan	a) UPPH a) Unit Kew b) UTM	B	2 Tahun (2023 - 2024)
	3.1.4	Mewujudkan lokasi dan sistem fail tunggal untuk maklumat projek yang telah disahkan oleh Pengurusan Tertinggi dan memastikan hanya pegawai yang terlibat dengan pengurusan projek sahaja mempunyai akses kepada maklumat projek.	a) UKew b) UPPH c) UPen	A	2 Tahun (2023 - 2024)
	3.1.5	Mewujudkan sistem fail apung ( <i>floatfile</i> ) atau fail tunggal untuk mengukuhkan komunikasi pasukan projek	a) UPPH b) UTM c) UPen	A	2 Tahun (2023 - 2024)

Manipulasi sistem perolehan yang membawa potensi berlakunya penyelewengan serta penipuan yang melanggar prosedur kerajaan.	3.2.1	Menguatkuasakan arahan dalaman di peringkat jabatan berkaitan pengurusan kewangan dan perolehan setiap tahun atau mengikut keperluan semasa.	a) UKew b) UPPH	A	5 tahun (2023 - 2027)
	3.2.2	Naziran kewangan dan pemantauan secara berkala sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun	UKew	A	5 tahun (2023 - 2027)
	3.2.3	Mengadakan pemeriksaan mengejut (AP308 – AP309) ke Muzium/Bahagian/ Unit berkaitan pengendalian dokumen kewangan dan perolehan sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun	a) UKew b) UKes c) UI	A	5 tahun (2023 - 2027)
Pegawai yang tidak kompeten dan menjurus kepada kecuaian, kelewatan serta kesiapan dalam proses kerja	3.3.1	Mewajibkan kehadiran berkursus kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam pengurusan kewangan dan perolehan sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun	a) UKew b) UPMI	A	5 tahun (2023 - 2027)
	3.3.2	Mewajibkan kursus pentadbiran kontrak kepada semua pegawai yang menguruskan kontrak bagi perolehan perkhidmatan/ kerja secara dwitahunan	a) UKew b) UPMI c) UPPH	B	5 tahun (2023 - 2027)
	3.3.3	Memantapkan mekanisme pengurusan sistem semak dan imbang secara konsisten untuk mengesan dan mengenal pasti berlaku aktiviti tuntutan palsu secara berkala atau jika berlaku aduan/teguran dalaman.	a) UKew b) UI	A	2 Tahun (2023 - 2024)

# BAB 4

## TADBIR URUS PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

## JABATAN MUZIUM MALAYSIA



▪ Arca Buddha Duduk

“

Meskipun ia sekadar persepsi, namun realiti ini adalah isyarat penting kepada kita semua untuk meneruskan tekad membanteras gejala rasuah dengan membudayakan integriti yang tinggi dalam kalangan agensi dan individu sama ada dalam perkhidmatan awam mahupun swasta.

”

Tan Sri Mohd Zuki Ali  
Ketua Setiausaha Negara



Selaras dengan usaha untuk memastikan inisiatif antirasuah Jabatan Muzium Malaysia dilaksanakan secara cekap dan sistematik, keterlibatan dan kerjasama yang menyeluruh daripada Pihak Pengurusan Tertinggi, warga kerja Jabatan Muzium Malaysia, pelanggan dan pemegang taruh adalah penting agar Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Muzium Malaysia bergerak seiring dengan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023 yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Unit Integriti, Jabatan Muzium Malaysia akan bertindak sebagai sekretariat penyelaras Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Muzium Malaysia yang berperanan memantau, menilai dan melaporkan pencapaiannya. Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Jabatan Muzium Malaysia hendaklah berfungsi sebagai platform utama yang menerima laporan, membincangkan dan membuat keputusan dan memantau pelaksanaan inisiatif-inisiatif Pelan Antirasuah Organisasi (OACP).

## **PRINSIP PELAKSANAAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) JABATAN MUZIUM MALAYSIA**

Prinsip pelaksanaan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Muzium Malaysia ialah dasar yang dipegang oleh jabatan dalam menentukan hala tuju dan keberkesaan pelaksanaan OACP. Jabatan Muzium Malaysia telah menggariskan tiga prinsip seperti yang berikut:

### **PENGURUSAN TERTINGGI**

#### **Pengurusan Tertinggi JMM bertanggung jawab dalam;**

- Menyokong dan memastikan pelaksanaan program dan inisiatif yang digariskan dalam OACP bagi memastikan Visi dan Misi OACP tercapai.
- Menegakkan dan mematuhi sepenuhnya keperluan undang-undang dan peraturan berkaitan antirasuah yang berkuat kuasa.
- Menguruskan risiko rasuah organisasi secara berkesan.

### **URUS SETIA**

#### **Unit Integriti JMM selaku Urus Setia OACP JMM bertanggung jawab dalam;**

- Mengurus setiakan Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) JMM.
- Membentangkan Laporan Pencapaian Pelan Antirasuah Organisasi dalam Mesyuarat JAR Jabatan dan Kementerian.
- Mengemas kini dan memantau inisiatif yang dilaksanakan di peringkat Muzium/ Bahagian/Unit.
- Menganalisis kekangan isu dan cabaran serta melaksanakan penilaian risiko rasuah secara berkala dan apabila terdapat keperluan perubahan.

### **PENERAJU DAN PELAKSANA**

#### **Muzium/Bahagian/Unit bertanggungjawab dalam;**


- Melaksanakan pemantauan dan penilaian prestasi, kecekapan dan keberkesaan inisiatif secara berkala.
- Memastikan inisiatif-inisiatif dalam OACP dilaksanakan berdasarkan sasaran dan tempoh masa yang ditetapkan.
- Mengemukakan pelaporan pelaksanaan kepada Urus Setia dua (2) minggu sebelum Mesyuarat JAR.
- Mengenal pasti penyelesaian terbaik bagi setiap isu atau permasalahan yang timbul.
- Memasukkan isu governans, integriti dan antirasuah dalam agenda mesyuarat pengurusan.

## MEKANISME PENYELARASAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN



Rajah 4.1 : Mekanisme Penyelarasian, Pemantauan dan Penilaian

## **MEKANISME PEMANTAUAN MESYUARAT JAWATANKUASA OACP JABATAN MUZIUM MALAYSIA**



**Rajah 4.2:** Mekanisme Pernantauan

### **SEMAKAN SEMULA DAN PEMBAHARUAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)**

Semakan semula terhadap keberkesanan Pelan Antirasauh Organisasi (OACP) dijadualkan setahun sekali. Tujuannya adalah bagi memastikan strategi bersama pelan tindakan yang telah dirangka berjaya mencapai objektif yang dimaksudkan. Tindakan pembaharuan terhadap inisiatif pula dijadualkan pada tahun kelima, dan akan dikeluarkan pada tahun yang berikutnya.



## BAB 5

### PENUTUP



▪ Avalokitesvara

“

Boleh jadi kamu membenci sesuatu padahal ia amat baik bagimu, boleh jadi pula kamu menyukai sesuatu padahal ia amat buruk bagimu. Allah mengetahui, sedang kamu tidak mengetahui.

”

Q8. Al-Baqarah 21



## KESIMPULAN

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Muzium Malaysia 2023-2027 telah dibangunkan selaras dengan inisiatif yang digariskan di bawah Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 bagi mendukung usaha pemantapan governans, integriti dan antirasuah dalam sistem pengurusan pentadbiran kerajaan. Matlamat pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) ini adalah bagi memastikan agenda pencegahan atau usaha menangani permasalahan rasuah, salah guna kuasa serta penyelewengan di jabatan dilaksanakan dengan sistematik, yang hala tuju dan kerangka tindakan pencegahan rasuah yang berstruktur dan jelas disediakan sebagai panduan dan rujukan warga kerja Jabatan Muzium Malaysia.

Walaupun diletakkan pada kategori risiko sederhana oleh SPRM di bawah Penarafan Semula Risiko Rasuah Tahun 2020, Jabatan Muzium Malaysia amat komited untuk memastikan sistem pentadbiran jabatan dapat bergerak dengan berkesan serta bebas daripada ancaman rasuah bersandarkan prinsip integriti, akauntabiliti dan ketelusan sekali gus meningkatkan imej jabatan yang bersih dan berintegriti.

Berdasarkan analisis, kajian isu dan cabaran, proses penilaian risiko dan senario masa hadapan yang telah dilaksanakan melalui beberapa siri bengkel Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Muzium Malaysia, sebanyak tiga bidang keutamaan berisiko telah dikenal pasti, yang disusuli penetapan tiga

strategi dan 10 objektif strategi. Pelan ini selanjutnya telah menggariskan sebanyak 55 inisiatif tindakan yang akan diberikan keutamaan agar kelemahan dalam aspek integriti, governans dan rasuah dapat ditangani dengan sistematik bagi tempoh lima tahun akan datang. Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Muzium Malaysia 2023-2027 akan bertindak sebagai instrumen kawalan dalaman yang memainkan peranan penting untuk memastikan sebarang risiko, ruang dan peluang kepada berlakunya rasuah, dapat ditangani dengan berkesan dan seterusnya dihapuskan.

Bagi memastikan keberkesanan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Muzium Malaysia, semua inisiatif yang terkandung di dalam pelan ini akan dipantau secara berterusan dan dikaji secara berkala melalui mekanisme pelaksanaan, penyelaras, pemantauan dan penilaian yang ditetapkan, bertujuan bagi memastikan bahawa setiap tindakan yang diambil memenuhi jangkaan dan matlamat pelan antirasuah organisasi. Pelan ini dilihat sebagai satu *living document* yang akan sentiasa dikaji dan dikemas kini mengikut perubahan mahupun perkembangan semasa. Justeru ia memerlukan jabatan sentiasa peka dengan mengambil kira maklum balas, nasihat dan panduan daripada pelbagai pihak dari semasa ke semasa dalam memastikan inisiatif yang dirangka sentiasa kekal relevan dan mempunyai kredibiliti sebagai panduan serta rujukan.



## PENGHARGAAN

**YBhg Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim**  
Ketua Pengarah

**YBrs Encik Mahamad Shawali bin Haji Badi**  
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)

**YBrs Encik Mohd Razaimi bin Hamat**  
Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman)

**Ahli Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR), Jabatan Muzium Malaysia**

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)**

**Unit Integriti, Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC)**

**Unit Integriti, Kementerian Perpaduan Negara**

---

### **Ahli Jawatankuasa Pembangunan OACP Jabatan Muzium Malaysia 2023 - 2027**

**Encik Zamrul Amri bin Zakaria**  
Pengarah Muzium Negara

**Encik Zainal bin Ariffin**  
Pengarah Bahagian Dasar dan Pembangunan

**Dr. Farizawati binti Sabri**  
Pengarah Muzium Alam Semula jadi

**Puan Masni binti Adeni**  
Pengarah Bahagian Pameran dan Pengembangan

**Cik Darniza binti Daut@Mohmud**  
Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi

**Puan Nor Hanisah binti Ahmad**  
Pengarah Muzium Etnologi Dunia Melayu

**Encik Sangam @ Musa Antok**  
Pengarah Bahagian Pengurusan Konservasi

**Puan Hadijah binti Mohd Yunus**  
Pengarah Bahagian Pengurusan Koleksi

**Puan Mashitah binti Ahmad Sabri**  
Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan

**Puan Roslelawati binti Awang@Abdullah**  
Ketua Penolong Pengarah, Unit Dasar dan Perancangan Strategik

**Cik Sitti Rabia bt Abd Rahman**  
Pengarah Komunikasi Korporat

**Encik Razlan bin Abdul Aziz**  
Ketua Penolong Pengarah, Unit Teknologi Maklumat

**YM Tengku Intan Rahimah binti Tengku Mat Saman**  
Ketua Penolong Pengarah, Unit Pembangunan dan Pengurusan Harta

**Encik Nasrulamiazam bin Mohd Nasir**  
Timbalan Pengarah, Muzium Negara

**Puan Nirmala binti Sharippudin**  
Kurator, Bahagian Pengurusan Koleksi

**Puan Juhazniza binti Musa**  
Kurator, Bahagian Pameran dan Pengembangan

**Cik Hayati binti Mohamad Zawawi**  
Kurator, Muzium Negara

**Encik Muhamad Faiz bin Azizan**  
Kurator, Bahagian Pengurusan Konservasi

**Encik Mohamad Shukery bin Mohd Sahli**  
Akauntan, Unit Kewangan

.....

### **Urus Setia Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Muzium Malaysia**

**Encik Azman bin Adam**  
Ketua Unit Integriti


**Puan Normah binti Mohamed Ghazali**  
Penolong Kurator

**Encik Mohd Fatta bin Idris**  
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)

**BENGKEL PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM)  
JABATAN MUZIUM MALAYSIA 2018**



## BENGKEL 1 OACP BERSAMA-SAMA AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (MACA), 23 - 26 MEI 2022



**BENGKEL 2 BERSAMA-SAMA AHLI JAWATANKUASA OACP  
JABATAN MUZIUM MALAYSIA, 1 OGOS 2022 DAN 12 OGOS 2022**



**SEMAKAN OACP JABATAN MUZIUM MALAYSIA BERSAMA-SAMA  
TIMBALAN KETUA PENGARAH, 9 NOVEMBER 2022**



**BARISAN AHLI JAWATANKUASA OACP  
JABATAN MUZIUM MALAYSIA**



**PENYEMAKAN OACP BERSAMA-SAMA PIHAK PENGURUSAN TERTINGGI  
JABATAN MUZIUM MALAYSIA, 31 MAC 2023**





## SINGKATAN

AKRAB	- Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam
BKK	- Bahagian Komunikasi Korporat
BKP	- Bahagian Khidmat Pengurusan
BPKol	- Bahagian Pengurusan Koleksi
BPKon	- Bahagian Pengurusan Konservasi
BPP	- Bahagian Pameran dan Pengembangan
CPI	- <i>Corruption Perceptions Index / Indeks Persepsi Rasuah</i>
CRM	- <i>Corruption Risk Management / Pengurusan Risiko Rasuah</i>
JMM	- Jabatan Muzium Malaysia
KPN	- Kementerian Perpaduan Negara
MAS	- Muzium Alam Semula jadi
MOTAC	- Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya
MoU	- Memorandum Persefahaman
OACP	- <i>Organisation Anti Corruption Plan / Pelan Antirasuah Organisasi</i>
SPRM	- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
UDPS	- Unit Dasar dan Perancangan Strategik
UI	- Unit Integriti
UKes	- Unit Keselamatan
UKew	- Unit Kewangan
UPen	- Unit Pentadbiran
UPMI	- Unit Pembangunan Modal Insan
UPPH	- Unit Pembangunan dan Pengurusan Harta
UPSM	- Unit Pengurusan Sumber Manusia
UTM	- Unit Teknologi Maklumat



JABATAN MUZIUM MALAYSIA  
Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur  
📞 +603 2267 1000  
🌐 [www.jmm.gov.my](http://www.jmm.gov.my)

.....